

INFO BULETIN UiTM Sarawak Kampus

ISU 60
Julai 2009

**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009**  PG. 22

■ **UiTM Sarawak
Conference
2008** PG. 4

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**
PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level** PG. 40

PG. 7



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

LAWATAN PENANDA ARASAN DAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR KELAB KEBUDAYAAN UiTM KOTA SAMARAHAN KE UNIVERSITI DAN PUSAT KEBUDAYAAN JAKARTA, INDONESIA.



Prof. Madya Dr. Jamil Haji Hamali bersama Puan Atikawati Ahmad Razali dan Encik Haziz Wahab bergambar kenangan bersama Encik Dr Junaidi Bakar selaku Menteri Bahagian Pendidikan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta.

Rombongan lawatan penanda arasan dan sambil belajar ke Universiti-Universiti dan Pusat Kebudayaan Jakarta merakamkan gambar kenangan di hadapan monumen budaya manusia melawat Taman Miniature (Taman Budaya) Jakarta.

Pada 5 - 10 Mac 2009 yang lepas, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Kota Samarahan telah menganjurkan satu lawatan penanda arasan dan sambil belajar ke Universiti-Universiti dan Pusat Kebudayaan Jakarta khusus untuk pelajar-pelajar Kelab Kebudayaan Rumpun Seni UiTM Kota Samarahan. Antara lokasi lawatan ialah seperti ke Kedutaan Malaysia di Indonesia, Institut Kesenian Jakarta (IKJ), Taman Miniature (Taman Budaya) Jakarta, Institut Teknologi Bandung (ITB) dan Pusat Saung Angklung Bandung. Lawatan ini disertai oleh seramai 20 orang mahasiswa-mahasiswi yang juga merupakan ahli-ahli Kelab Kebudayaan Rumpun Seni UiTM Samarahan dan 4 orang pegawai UiTM Sarawak. Rombongan ini diketuai oleh Pengarah Kampus, Prof Madya Dr Jamil Hj Hamali.

Antara tujuan lawatan itu diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang budaya serta memberi peluang kepada mereka mempelajari seni gerak setempat, menerapkan nilai-nilai kesenian dan kebudayaan di kalangan pelajar, memupuk persefahaman sihat di kalangan pelajar UiTM bersama rakan mereka di Institut Pengajian Tinggi Jakarta, Indonesia, mewujudkan jaringan kerjasama Program Pengantarabangsaan, mempromosikan nama UiTM Malaysia ke negara jiran serta untuk mempromosikan Sarawak dan Malaysia amnya sebagai destinasi pelancongan.

Sepanjang lawatan tersebut, para pelajar telah dibawa ke Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta dan kedatangan kami disambut mesra oleh pegawai Kedutaan Malaysia, Encik Elyas Jafary yang juga selaku Menteri Bahagian Pendidikan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta. Menurut Encik Elyas Bahagian Pendidikan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta bertanggungjawab mengatur dan mengurus keperluan dan kebajikan pelajar Malaysia di Indonesia yang jumlahnya adalah seramai lebih kurang 5,000 pelajar dari pelbagai jurusan dan bidang. Kebanyakan pelajar yang menuntut di Indonesia merupakan pelajar cemerlang bidang perubatan

tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan selebihnya adalah atas pembiayaan sendiri. Kemudiannya, para pelajar dibawa ke Institut Kesenian Jakarta (IKJ) dan pelajar kita berkesempatan mempersembahkan tarian mereka di sana.

Keesokan harinya, para pelajar telah dibawa melawat Taman Budaya Jakarta (Taman Miniature Jakarta) di mana taman ini menempatkan pameran adat resam, kebudayaan, kesenian serta contoh-contoh rumah bagi 30 wilayah yang terdapat di Indonesia. Semasa lawatan di wilayah Bali, pelajar-pelajar UiTM Sarawak telah berkesempatan untuk mengadakan bengkel tarian singkat bersama kumpulan tarian dari Bali yang diketuai oleh I Wayan Suarka daripada Sanggar Tari Bali Dwipayana. Dalam tempoh sejam itu saja, beberapa gerak tari asli Bali telah ditunjukkan dan dipelajari oleh mereka dan Bapa Wayan Suarka serta para penarinya ternyata gembira kerana para pelajar kita begitu cepat menguasai langkah gerak tari Bali yang agak rumit untuk dikuasai pada masa yang singkat.

Pada hari ketiga lawatan, para pelajar dibawa ke Bandung yang memakan masa 3jam perjalanan dari Jakarta menggunakan bas persiaran. mereka dibawa melawat Institut Teknologi Bandung (ITB). Semasa lawatan tersebut, para pelajar UiTM juga tidak ketinggalan untuk mengadakan sesi soal jawab dengan wakil kampus tersebut mengenai aktiviti-aktiviti kebudayaan yang telah dan akan diadakan disana. Rombongan kami juga dimaklumkan bahawa kesemua aktiviti pelajar dijalankan sendiri oleh persatuan mahasiswa dan dipantau secara terus oleh beberapa kakitangan Universiti. Rombongan berpeluang untuk mengambil foto-foto di persekitaran kampus ITB yang menampilkan ciri bangunan serta lanskap, notis-notis pentadbiran yang boleh digunapakai di kampus kita.

Pada sebelah tengahari, lawatan diakhiri dengan menonton permainan Angklung di Pusat Saung Angklung. Persembahan tarian dan nyanyian turut dipersembahkan sebagai pengisian persembahan pada petang tersebut dan ia begitu mengasyikan kerana rata-rata yang membuat persembahan di

kalangan kanak-kanak semuda 2 tahun hingga remaja. Apa yang menarik ialah penganjuran persembahan yang boleh diiktiraf pada peringkat antarabangsa oleh kira-kira 50 orang pelajar itu hanya dikendalikan sendiri oleh remaja-remaja berkenaan tanpa pembabit orang dewasa. Program selama 3 jam ini merupakan satu lagi program yang begitu menarik dan bermanfaat kerana selain dapat menonton, kami juga diberi peluang untuk sama-sama bermain angklung dan mengenali jenis-jenis bunyian yang dihasilkan oleh pelbagai jenis angklung.

Ingin dinyatakan di sini bahawa, lawatan selama lima hari ke Jakarta dan Bandung telah be meninggalkan banyak kenangan manis yang sukar dilupakan. Banyak perkara dan maklumat serta pengalaman semasa berada di Indonesia terutama di Institut Kesenian Jakarta, Institut Teknologi Bandung, Pusat Saung Angklung yang boleh dipelajari dan di adaptasi serta diterima pakai untuk penambahbaikan pembangunan serta pengurusan UiTM Sarawak secara umumnya. Umpamanya poster gergasi yang terdapat Institut Teknologi Bandung boleh digunapakai di kampus apabila semasa sambutan festival, pertandingan, perayaan dan sebagainya. Malah sepanjang laluan ke blok pentadbiran boleh dipasang dengan poster besar sudah mampu menampilkan keceriaan, kesibukan kampus dalam persiapan meraikan sesuatu aktiviti dan keramaian. Penggunaan kayu buluh untuk kerangka poster besar tersebut merupakan salah satu inovasi yang 'cost effective' dan sesuai jika dilaksanakan di UiTM Sarawak, kampus Samarahan. Keindahan landscape yang ditampilkan oleh kebanyakan institusi pengajian tinggi di Bandung masih mengekalkan ciri-ciri kehijauan di sekitar kampus untuk Nampak lebih ceria dan segar. Konsep inilah yang akan digunapakai oleh UiTM Samarahan dalam usaha menghijaukan kawasan sekitar kampusnya.



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK